

BAB 14: SEMBELIHAN

Sembelihan

Sembelihan ialah menghilangkan nyawa binatang yang halal dengan cara memutuskan urat halkum dan urat merah dengan menggunakan alat yang tajam dengan niat kerana Allah. Hukum sembelihan adalah wajib dengan tujuan dimakan dagingnya.

Rukun sembelihan adalah seperti berikut:

1. Penyembelih: antara syarat-syaratnya termasuklah Islam dan tidak dalam ihram haji atau umrah.
2. Binatang yang disembelih mestilah yang halal dimakan, mati dengan sekali sembelihan, dan putus urat halkum dan urat merah.
3. Alat sembelihan pula mestilah benda yang tajam selain dari gigi, tulang, kuku, rambut, dan tali.



Jadual di bawah menunjukkan perkara-perkara sunat dan makruh ketika sembelihan.

Perkara Sunat	Perkara Makruh
a. Membaca Bismillah	a. Menggunakan alat yang tumpul
b. Menyembelih bahagian pangkal leher dengan memutuskan kedua-dua urat	b. Menampakkan alat sembelihan kepada binatang
c. Menggunakan alat sembelihan yang tajam	c. Mematahkan leher binatang
d. Melakukan sembelihan pada waktu siang	d. Tidak membaca bismillah